

Kesahihan Calon DAP PRK Bukit Gelugor Diragui - Asoghan Bernama
May 12, 2014

BUTTERWORTH, 12 Mei (Bernama) -- Seorang anggota seumur hidup DAP, G.Asoghan, Isnin mempersoalkan kesahihan Ramkarpal Singh Deo, anak lelaki ketiga mendiang Karpal Singh, sebagai calon parti itu bagi pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Bukit Gelugor.

Beliau mendakwa pencalonan Ramkarpal bagi kerusi itu adalah tidak sah berikutan Pendaftar Pertubuhan (ROS) tidak mengiktiraf kesahihan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti itu.

"Jika Ramkarpal bertanding menggunakan logo DAP, kemenangannya boleh dibatalkan oleh mahkamah atas sebab teknikal," katanya kepada pemberita di sini Isnin.

Asoghan, yang juga ketua DAP cawangan Bagan Luar, turut mempersoalkan keanggotaan Ramkarpal, yang menyertai DAP awal tahun ini sedangkan pada masa itu, DAP masih belum menerima pengiktirafan ROS.

"Ini adalah satu penipuan kerana CEC yang tidak diiktiraf tidak boleh mengambil anggota. Oleh itu, ROS harus menyiasat keanggotaan Ramkarpal," katanya di sini.

Asoghan turut menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ROS supaya memberi penjelasan berhubung calon DAP itu dan mengapa parti itu dibenar bertanding menggunakan simbol roket.

Beliau berkata anggota CEC tidak ada kuasa untuk menandatangani watak bagi pihak DAP kerana belum mendapat kesahihan ROS dan tindakan itu seakan-akan mencabar ROS.

Asoghan berkata surat-surat ROS bertarikh 17 April dan 6 Dis tahun lepas menyatakan ROS tidak mengiktiraf kesahihan CEC.

PRK Bukit Gelugor menyaksikan saingan antara Ramkarpal, Naib Presiden Parti Cinta Malaysia Datuk Huan Cheng Guan dan dua calon bebas Mohd Nabi Bux Mohd Abd Sathar serta Abu Backer Sidek Mohammad Zan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037725>